

Perlu berani, tegas kawal pusat tahfiz



Apabila berlaku kejadian tragis begini, kita akan bising sekejap. Itu perangai rakyat Malaysia. Sehingga kejadian sama berulang”

Juhaidi Yean Abdullah,
Ketua Eksekutif/Ahli Lembaga Pengarah, Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia



Untuk video layan www.bharian.com.my

kat negara ini perlu dipertingkatkan. Masyarakat kita kebanyakannya masih tidak peka dengan keselamatan diri. Aspek keselamatan ini luas, bukan tertakluk pada isu kebakaran sahaja. Masyarakat akan melatah apabila dikenakan tindakan undang-undang atau penguatkuasaan. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana masing-masing bertanggungjawab menjaga keselamatan diri. Kesimpulannya, semua pihak perlu mengambil iktibar dan teladan insiden ini dengan serius, bukan ‘hangat-

hangat tahi ayam’. Kita enggan terima masyarakat cuai dan abaikan keselamatan dan risiko terhadap kebakaran seperti tiada apa yang berlaku, selepas ini. Kebakaran meragut nyawa adalah satu pengajaran besar yang tidak patut berulang. Semua pihak perlu berfikir terbuka untuk menerima kelemahan, duduk berbincang dan semak semula segala usaha, peraturan dan penguatkuasaan sedia ada untuk penambahbaikan penghuni sekolah pondok dan tahfiz pada masa akan datang.



Juhaidi Yean Abdullah

S: Ada dakwaan pihak tertentu menjadikan institusi pendidikan agama satu bentuk perniagaan.

J: Hal ini berlaku dan saya tidak tuding jari pada sesiapa apabila segelintir pihak cuba mengambil kesempatan terhadap ibu bapa yang sanggup membayar yuran mahal supaya anak mereka diterima masuk ke institusi pendidikan agama.

Perdedahan ini untuk menzahirkan, ada kebimbangan ibu bapa terhadap sikap sambil lewa pengurusan sehingga boleh merisikakan keselamatan anak mereka. Ada segelintir sekolah agama swasta mengenakan yuran sehingga RM16,700 setahun.

Sebagai ibu bapa, mereka mengharap anak menikmati kemudahan pendidikan selesa, lengkap dan moden.

Namun, ada kalanya perkara ini tidak berlaku. Justeru, kita lihat ada faktor ‘penjimatan’ untuk membuat keuntungan daripada yuran dibayar pelajar. Kami berharap ada pihak menyelesaikan isu ini selain menguatkuasakan peraturan mengehadkan bilangan pelajar mengikut kesesuaian tempat dan lokasi sekolah.

S: Adakah tuan mempunyai cadangan menyelesaikan masalah ini?

J: Di laman sosial ramai bertanya siapa yang akan memantau semua masalah ini. Nak jawab susah. Saya ambil contoh dalam senario pendaftaran, adakah perlu atau tidak? Selepas itu, mendaftar dengan siapa? Yang meluluskan permit dan menguatkuasa mungkin agensi sama atau lain.

Justeru, undang-undang dan peraturan di negara kita perlu diteliti semula mengikut keadaan semasa. Misalnya, syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Keselamatan Sekolah Pondok dan Tahfiz seluruh negara pada 1989, hingga hari ini tidak dilaksanakan.

Sebabnya, ia hanya cadangan. Untuk melaksanakannya, siapa nak pastikan ia dibuat? Andai dibuat ada legal standing atau undang-undang diambil jika tidak dibuat? Persoalannya adakah kita berani? Contoh, sekolah pondok dan tahfiz tidak berdaftar milik ulama terkenal dan ahli parti politik, adakah kita berani ambil tindakan? Kita sebenarnya hangat-hangat tahi ayam menyelesaikan sesuatu perkara.

Hakikatnya, saya berani berkata kejadian sama terus berulang kerana mereka hanya berjanji. Ini yang berlaku.

S: Adakah dakwaan kemalangan kerap berlaku di sekolah pondok dan tahfiz kerana sikap dermawan rakyat negara ini dan bantuan tidak putus-putus diterima. Apakah ini benar?

J: Saya dan Pengerusi Yayasan, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, pernah mengalami kejadian seumpamanya apabila turun padang memberi bantuan kepada sebuah sekolah pondok di Pantai Timur. Bayangkan dalam sebulan berlaku dua kali kejadian kebakaran.

Selepas menyerahkan sumbangan dan beredar dari sekolah itu, kami didekati penghuni dewasa. Beliau menyol selidik kami mengenai sumbangan dan siapa yang menerima sumbangan.

Beliu menasihatkan kami membuat pemantauan dan berhati-hati ketika menyerahkan sumbangan kerana banyak hasil sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk Istana, Menteri Besar dan orang persendirian hilang serta ‘tidak diketahui’ lesap dalam poket siapa.

S: Apakah ada mekanisme mengawal kebakaran sekolah pondok dan tahfiz, (tumbuh seperti cendawan selepas hujan di negara kita)?

J: Apabila berlaku kejadian tragis begini, kita akan bising sekejap. Itu perangai rakyat Malaysia. Sehingga kejadian sama berulang. Saya cadangkan perbincangan meja bulat melibatkan semua pihak berkaitan. Mereka adalah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Persatuan Pengusaha Sekolah Pondok dan Tahfiz, pengusaha sekolah swasta, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Tenaga, pihak berkuasa negeri, bomba, YYPM, mufti, agamawan dan peguam. Kita perlu mengalut-alukan mereka yang arif isu ini beme-syuarah memberi pandangan masing-masing.

S: Kenapa perkara ini (mustahab) kerap berlaku di sekolah pondok dan tahfiz sahaja, bukan di sekolah agama lain?

J: Pertama, mungkin kerana bilangan dan permintaan ke sekolah pondok dan tahfiz tinggi. Ibu bapa hari ini ramai menganggap sekolah tahfiz sebagai

last resort anak tidak pandai dalam akademik.

Ada yang lepas tangan, jenguk anak kadang-kadang kerana sudah beri tanggungjawab pada sekolah didik anak mereka. Susah kalau ada ibu bapa mempunyai mentaliti sebegini kerana tanggungjawab utama pastikan anak selamat, selesa dan boleh belajar dengan mudah adalah sebahagian tanggungjawab mereka.

Juurnya, apabila pelajar ini meningkat dewasa, mereka jadi pemimpin masyarakat dan mengimamkan masjid. Ada ramai pelajar tahfiz bergelar intelektual Islam dengan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi di luar negara. Sebenarnya, mereka permata yang perlu dibela, dipertahankan dan diberi ruang memimpin. Saya menyeru persatuan sekolah tahfiz tampil memperjuangkan hak dan kepentingan sekolah pondok dan tahfiz.

S: Apakah punca kebakaran dan keselamatan pelajar sekolah pondok dan tahfiz terancam?

J: Antaranya adalah penggunaan bahan mudah terbakar. Dalam banyak kes kebakaran di sekolah pondok dan tahfiz, banyak pelajar guna lilin, memasak dan menggunakan peralatan elektrik ketika tengah malam kerana mereka lapar. Bagaimanapun, penggunaan tanpa kawalan seperti cuai dan tertidur kerana kepenatan akan memberi natijah dan mengundang ancaman keselamatan dan kebakaran.

S: Di manakah tahap kesedaran masyarakat mengenai keselamatan dan pengurusan sekolah pondok dan tahfiz?

J: Umumnya, dalam dua tiga dekad kebelakangan ini, bilangan sekolah dan permintaan orang ramai bertambah mungkin kerana minat anak dan ibu bapa untuk belajar pendidikan agama.

Bagaimanapun, aspek keselamatan sekolah ditawarkan tidak sejajar kerana masalah dana. Berdasarkan kajian dan pemantauan, 34 kes kebakaran di sekolah pondok dan tahfiz dilaporkan pada tiga bulan pertama tahun ini, menyebabkan kerugian RM1.4 juta.

Sementara itu, 93 kes dengan kerugian RM7.4 juta (2016) dan 88 kes dengan kerugian RM7.2 juta (2015). Ini menunjukkan keadaan dan tahap kesedaran warga pondok, madrasah dan sekolah agama mengenai keselamatan kebakaran tidak banyak berubah.